



قائمة بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 31

RABU 1 OGOS, 1984.

رابع 4 ذوالقعدة 1404

PERCUMA

BRUNEI SOKONG PERJUANGAN PALESTIN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersabda bahawa Negara Brunei Darussalam akan senantiasa memberi sokongan pada perjuangan dan matlamat Pertubuhan Pembebasan Palestin.

"Negara Brunei Darussalam akan sentiasa memberi sokongan pada perjuangan dan matlamat tuan," sabda Duli Yang Teramat Mulia kepada Tuan Yang Terutama Tuan Yasser Arafat, Pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin di Majlis Makan Malam bagi

meraikan Tuan Yang Terutama dan rombongan di Dewan Persantapan Lapau Diraja di sini pada malam Jumaat lepas.

PERTIMBANGAN

Duli Yang Teramat Mulia bersabda semoga dengan berkat petunjuk Allah Subhanahu Wataala dan dengan keteguhan hati orang-orang Palestin sendiri di bawah pimpinan Tuan Yang Terutama, hak mutlak orang-orang Palestin dapat dipelihara dan diberi pertimbangan sejajar dengan Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dalam pada itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, Negara Brunei Darussalam juga berpendapat bahawa ketegangan politik di Timur Tengah mempunyai hubungan rapat dengan isu Palestin dan menyarankan supaya isu Palestin ini dapat diselesaikan segera demi keamanan di rantau itu.

BUKAN ASING

Tuan Yang Terutama, sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi, sebagai pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin bukanlah asing bagi Negara Brunei Darussalam kerana peranan yang dimainkan oleh Tuan Yang Terutama itu dalam usaha pembebasan Palestin.

"Di samping usaha tuan dalam soal Palestin, Negara Brunei Darussalam juga mengambil perhatian

akan peranan tuan dalam usaha menyelesaikan masalah pertikaian Iran dan Iraq. Usaha tuan sebagai Naib Pengerusi kepada Pertubuhan Persidangan Islam sudah membuktikan komitmen bagi mengurangkan ketegangan dan mengwujudkan keamanan di rantau Timur Tengah," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat

Mulia seterusnya melahirkan keyakinan, dengan usaha yang berterusan dari pertubuhan berkenaan dan dengan kerjasama Iran dan Iraq sendiri, sengketa yang sudah mengorbankan banyak jiwa dan harta-benda itu akan diselesaikan secepat mungkin.

GAMBAR-gambar dan berita lanjut di muka dalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman erat dengan Tuan Yang Terutama Tuan Yasser Arafat sejurus sebelum meninggalkan Istana Nurul Iman sejurus selepas majlis mengadap.

PEMIMPIN PLO: KAMI BERBESAR HATI ATAS SOKONGAN PENUH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Tuan Yasser Arafat, Pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin dalam ucapan balas di Majlis Makan Malam yang diberikan oleh DTYM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam yang juga telah berangkat ke majlis tersebut di Dewan Persantapan Lapau Diraja pada malam Jumaat lalu telah melahirkan penghargaan di atas sokongan sepenuhnya Negara Brunei Darussalam pada perjuangan orang-orang Palestin.

"Kami merasa berbesar hati atas sokongan sepenuhnya kepada perjuangan orang-orang Palestin," kata Tuan Yang Terutama.

"Dalam Persidangan Islam di Casablanca, kita bersetuju bekerjasama. Kami berharap saudara-saudara membantu dalam semua bidang yang membolehkan kami berkeupayaan menegakkan hak-hak kami seperti mana yang diterima dalam Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu; hak kami untuk kembali ke tanahair kami; hak kami untuk menentukan masa depan serta hak kami untuk membentuk sebuah negara yang merdeka beribu negarakan Al-Quds Sharif Jerusalem."

Tuan Yang Terutama juga mengucapkan terima kasih bagi pihak Jawatankuasa Eksekutif Pertubuhan Pembebasan Palestin, rakyat Palestin, para pejuang, sukarelawan dan beliau sendiri di atas jemputan makan malam yang penuh persaudaraan.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan selaku Menteri Pengiring kepada Tuan Yang Terutama Tuan Yasser Arafat.

Majlis yang juga dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Kerajaan itu telah juga diserikan dengan tarian-tarian dari Penari-penari Radio Televisyen Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien menarik tirai sebagai perasmian Bangunan Skuadron Kereta Perisai Peninjau.

Paduka Seri Begawan rasmi bangunan SKPP

TUTONG. — Bangunan baru yang terletak di Penanjong Garison Daerah Tutong, merupakan markas utama Skuadron Kereta Perisai Peninjau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah sempurna dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam pada hari Isnin yang lalu.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ke markas tersebut disambut dengan perbarisan hormat Diraja oleh 10 orang anggota-anggota ABDB dan diikuti dengan perasmian bangunan itu oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia. Setelah itu doa selamat dibacakan oleh Kadi Daerah Tutong, Awang Haji Zaime bin Talip.

Lihat muka 2

MANISNYA IMAN

"DAN amatlah baiknya, kalau mereka bersenang hati dengan apa yang telah diberikan oleh Allah dan Rasul kepada mereka serta mengatakan: Cukuplah Allah buat kami! Allah dan Rasul-Nya nanti akan memberi kami sebahagian dari kurnia-Nya. Sesungguhnya kepada Allah kami memohon harapan." — Makna ayat 59, Surah Al-Barah.



Pelita Brunei

1 OGOS, 1984.

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

HARAPAN BERIKUTAN DARIPADA BERTAMBAHNYA WANG ZAKAT

DI ANTARA banyak perkara dalam perkembangan agama Islam di negara kita ialah semakin meningkatnya kesedaran terhadap hukum-hukum Allah Subhanahu Wataala. Peningkatan kesedaran itu memang sudah sewajarnya berikutan daripada daya usaha yang berterusan pihak-pihak Kerajaan dalam merancang dan melaksanakan program-program agama.

Dengan bertambahnya kesedaran beragama maka semakin meluas dan mendalam penghayatannya yang bukan sahaja terhad kepada amal ibadat bahkan juga amalan-amalan secara keagamaan yang didasarkan kepada fahaman bahawa agama Islam yang menjadi agama rasmi negara adalah cara hidup yang selengkapnya.

Dalam hubungan ini orang ramai sangat gembira mengetahui bahawa tanda penghayatan beragama yang semakin meningkat itu misalnya ialah semakin banyak zakat harta telah dikumpulkan daripada orang-orang Islam di negara ini. Menurut sebagaimana dalam khutbah Jumaat baru-baru ini, pihak berkenaan Baitul-mal telah menerima zakat harta yang semakin meningkat dari setahun ke setahun. Perangkaan menunjukkan bahawa dalam tahun 1981 sejumlah lebih sedikit dari 300 ribu ringgit telah diterima; tahun 1982 meningkat lebih 400 ribu ringgit, tahun 1983 meningkat lebih 400 ribu ringgit (lebih setengah juta ringgit). Dan untuk kira-kira tujuh bulan pertama tahun ini pula zakat harta yang diterima hampir dua setengah juta ringgit.

Sungguhpun tidak ada angka yang diberikan mengenai bilangan pembayaran zakat dalam tempoh-tempoh tersebut tetapi sama ada bilangan mereka itu ramai atau sebaliknya apa yang jelas ialah pihak berkenaan telah dapat mengumpulkan suatu jumlah zakat harta yang

dipercayai dari semasa ke semasa akan bertambah dan jika dengan kutipan zakat fitrah maka sudah tentu menjadikan suatu jumlah yang besar.

Kumpulan wang zakat iaitu sama ada zakat fitrah ataupun zakat harta yang besar jumlahnya adalah dipercayai akan memungkinkan pihak-pihak berkenaan bagi memikirkan sebarang rancangan bagi mengembangkannya. Kita percaya fungsi Baitul-mal sebagai suatu institusi kewangan dalam agama Islam yang memperoleh pendapatan-pendapatannya daripada berbagai-bagai punca seperti zakat akan boleh diperlihatkan dengan sejelas-jelasnya kepada orang ramai melalui sebarang rancangan memperkembangkan hartanya secara yang diharuskan oleh syarak. Dengan cara itu peningkatan fahaman keagamaan akan lebih kokoh di mana umat Islam dan orang-orang yang bukan Islam sama-sama menyaksikan suatu aspek pelaksanaan sistem harta dan kewangan Islam yang kebanyakannya telah didakwahkan selama ini.

Memanglah benar sumbangan zakat harta yang semakin bertambah dari setahun ke setahun itu menandakan adanya kesuburan ekonomi orang-orang Islam yang berkenaan dan juga kesuburan semangat mentaati suruhan Allah. Maka dalam makna kesuburan yang sedemikian itu tentulah sinar cahaya keimanan kepada Allah di negara ini akan seterusnya

menjelma ke dalam berbagai perkembangan seiring dengan kemajuan yang meningkat dalam banyak bidang. Dan kita sememangnya berharap menerusi penghayatan Islam kemajuan yang dicapai akan lebih sempurna yang mana sistem-sistem Islam tentulah layak memberi sumbangannya.

Dari segi kerajaan, hasrat melaksanakan cara hidup keislaman di negara ini secara yang meluas sudahpun diperjelaskan. Dalam kita menerima hakikat kekurangan tenaga mahir dan pakar dalam bidang-bidang yang kita perlukan kita dipercayai akan berusaha lebih giat mengikhtikarkan sebarang rancangan kemajuan agama sedapat daya yang boleh dan setakat keupayaan yang termampu. Maka dalam hubungan memperkembangan harta Baitul-mal yang dipercayai akan terus bertambah tentulah keupayaan dan kemahiran setakat yang kita termampu itu, insya-Allah, apabila diikhtikarkan akan dapat merumuskan rancangan-rancangan perkembangan yang berpatutan.

Ke arah itu, sebagaimana kita menaruh harapan, maka begitulah juga kita patut percaya bahawa hasrat bercara hidupkan Islam akan seterusnya mendapat tunjangan daripada sebarang perancangan dan seterusnya pelaksanaan sistem-sistem Islam yang antaranya ialah yang melibatkan Baitul-mal sebagai suatu institusi harta dan kewangan Islam.



TUAN Yang Terutama Syekh Ahmed bin Hamad Al-Khalili sedang mendengar penerangan dari Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan di Bilik Taklimat Jabatan Penerangan semasa Tuan Yang Terutama dan rombongan membuat kunjungan ke jabatan tersebut.

LAWATAN RASMI MUFTI BESAR OMAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Syekh Ahmed bin Hamad Al-Khalili, Mufti Besar Kesultanan Oman dan rombongan yang terdiri dari Tuan Ahmed bin Suod Al-Siyabi, Pengarah di Pejabat Mufti dan Tuan Hamed bin Mohamad Al-Yahmadi telah berlepas pulang hari Isnin lepas setelah mengadakan lawatan rasmi selama lapan hari ke negara ini.

Sebelum meninggalkan negara ini, Tuan Yang Terutama Mufti Besar Kesultanan Oman itu berkesempatan mengadap ke majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman pada sebelah petang hari Isnin lepas.

Tuan Yang Terutama dan rombongan tiba di negara ini pada 23 Julai lepas. Semasa berada di sini Tuan Yang Terutama Mufti Besar Oman itu telah mengadakan beberapa perundingan dengan pegawai-pegawai

kanan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, termasuklah dengan Pengetua dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Tuan Yang Terutama dan rombongan juga berkesempatan mengadakan kunjungan muhibah kepada Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

Rombongan pegawai dari Oman itu juga telah mengadakan beberapa lawatan ke tempat-tempat menarik dan jabatan-jabatan kerajaan, antaranya ialah Pejabat Penerangan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Muzium, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Radio dan Televisyen.

Di samping itu lawatan ke institusi-institusi pendidikan agama juga tidak ketinggalan. Pada hari

Sabtu lepas rombongan itu telah melawat ke Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan seterusnya ke Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan ke beberapa buah sekolah agama.

Terdahulu dari itu Tuan Yang Terutama Syekh Ahmed bin Hamad Al-Khalili berkesempatan menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat dengan umat Islam di negara ini di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara. Sebelum itu T.Y.T. telah menyampaikan syarahan Bahasa Arab kepada para jemaah yang telah diterjemahkan oleh Ustaz Awang Haji

Adam bin Ahmad seorang pegawai di Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Kursus Pengenalan Kerani

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 17 lagi Kerani yang baharu berkhidmat mengikuti Kursus Pengenalan selama 3 hari yang dianjurkan oleh Unit Latihan Pejabat Perjawatan.

Kursus yang akan bermula pada 31 Julai itu diadakan di Unit Latihan, Jalan Kumbang Pasang. Beberapa orang pegawai dari unit tersebut akan menyampaikan ceramah kepada peserta-peserta kursus tersebut.

Sembahyang Fardu Jumaat

DENGAN titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kebenaran telah diberikan bagi penduduk Kampong Kiulap mendirikan sembahyang Fardu Jumaat di surau kampung tersebut mulai 31 Ogos, 1984.

Pengerusi surau kampung tersebut meminta semua umat Islam laki-laki yang diwajibkan menunaikan sembahyang Fardu Jumaat supaya sama-sama hadir menunaikan sembahyang fardu itu di surau berkenaan mulai tarikh yang tersebut di atas.

Pegawai Polis naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penetapan dan kenaikan pangkat kepada 19 orang pegawai kanan Polis Diraja Brunei.

Lima orang Pemangku Penguasa Polis ditetapkan ke pangkat Penguasa Polis. Mereka ialah Pg. Dato Kamaluddin bin Pg. Haji Besar, Adenan bin Umar, Hussain bin Hidup, Manan bin Osman dan Abd. Hamid bin PDIS Dato Haji Johari.

Empat orang Pemangku Timbalan Penguasa Polis yang ditetapkan ke pangkat Timbalan Penguasa Polis ialah Chua Pheng Kui, Mohd. Agus Din bin Bilun, Wong Boon Thong dan Hajjah In-

tan bte Haji Kassim.

Lima orang Pemangku Penolong Penguasa Polis ditetapkan ke pangkat Penolong Penguasa Polis. Mereka ialah Haji Mohd Rakawi bin Sran Mohamad, Dato Haji Hamzah bin Haji Mohd. Salleh, Mohd. Sout bin Moksini, Colin Chong Kee dan Lintang bin Ingar.

Penolong Penguasa Polis Ang Kian Guan dan Penolong Penguasa Polis Abu Bakar bin Dato Haji Sh Osman dinaikkan pangkat Timbalan Penguasa Polis.

Tiga orang dinaikkan ke pangkat Inspektor Kanan. Mereka ialah Insp. Abu Talib bin Abd. Majid, Insp. Ismail bin Mohd. Yassin dan Insp. Mohd. Gais bin Awg. Besar.

Kesemua penetapan dan kenaikan pangkat itu bermula dari 1 Julai, 1984.

Dari muka 1

Terdahulu sebelum itu, mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ialah Pemerintah ABDB Bregedier General Dato Paduka Seri JPW Friedberger dan Pegawai Pemerintah Batalion Kedua, YDM Pehin Datu Harimau Padang Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Husin bin Ahmad.

Sebelum Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan memerhatikan secara dekat tentang fungsi dan keutuhan beberapa buah kereta-kereta perisai yang dianggotai oleh kira-kira 80 orang askar. Kebawah Duli Yang Teramat Mulia disambatkan dengan penerangan ringkas yang disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Skuadron

Kereta-Kereta Perisai Peninjau, Mejar Othman bin Hasbullah. Setakat ini skuadron tersebut mempunyai 16 buah kereta perisai 'scorpion' buatan British.

Sebelum mengakhiri lawatannya ke tempat itu yang memakan masa kira-kira satu jam setengah, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga berkenan meninjau Unit Bateri Pertahanan Udara yang ditubuhkan tahun lepas yang kini mempunyai sebanyak 12 buah alat senjata pemusnah termoden 'rapier' dari bumi ke udara. Pasukan tersebut yang mempunyai kira-kira 60 orang anggota akan mengadakan latihan di Bukit Angok Daerah Tutong bulan ini di mana buat pertama kali 'missile' dengan kelajuan supersonik 1,500 batu sejam akan dilancarkan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan Diraja sejourus keberangkatan tiba Baginda di Daerah Belait.



ISTIADAT Mengadap dan Menjunjung Duli di Dewan Kemasyarakatan hari itu telah dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cetera, Pehin-Pehin Menteri serta Menteri-Menteri Pendalaman (atas). Gambar bawah sebahagian dari jemputan-jemputan khas yang menghadiri Istiadat tersebut.



SEBAHAGIAN dari orang ramai yang sama-sama merayakan dan mengalu-alukan keberangkatan tiba Baginda dan kerabat-kerabat Diraja di Pekan Belait.

SAMBUTAN PUJA USIA BAGINDA KE-38 DI DAERAH BELAIT

Oleh: Aisah Piee

Gambar-gambar oleh: Ak Bahar PHO

PERAYAAN Hari Puja Usia ke-38 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Belait telah bermula pada hari Ahad, 22 Julai lalu, dengan satu Istiadat Mengadap dan Menjunjung Duli di Dewan Kemasyarakatan di Pekan Kuala Belait.

Rakyat dan penduduk dari seluruh pelusuk daerah itu berhimpun di sekitar Pekan Belait, jelas menunjukkan betapa keberangkatan Baginda dan Kerabat-kerabat Diraja ke daerah itu senantiasa dialu-alukan, serta diibaratkan sebagai jalan yang lebih mengeratkan lagi perpaduan dan persefahaman rakyat dan penduduk yang sudah sedia terjalin.

Berangkat bersama Baginda ialah Kebawah DYT M Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, DYT M Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, DYT M Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain kerabat Diraja.

Bagi memulakan acara pagi itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah dijunjung bagi memeriksa Barisan Kawalan Kehormatan Diraja, yang terdiri dari anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Panji-panji Polis Diraja Brunei. Sembah Kesyukuran dan ikrar taat setia telah disembahkan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin, yang mewakili rakyat dan penduduk di daerah itu.

Acara seterusnya berlangsung di perkarangan rumah kediaman Pegawai Daerah, di mana Baginda dijunjung bagi menyaksikan persembahan kesenian dan kebudayaan puak-puak asli, Brunei, Belait, Dusun dan Iban. Juga diadakan ialah persembahan dari masyarakat Tionghua.

Antara acara Perayaan Hari Keputeraan Baginda di daerah itu ialah persembahan Malam Anekawarna yang berlangsung selama seminggu di Padang Kecil Kuala Belait, perarakan kenaikan berhias dan tanglung berjalan kaki, perarakan di air di Sungai Belait, dan pameran kraf-tangan wanita, serta lomba perahu dan motorsangkut.

Sementara acara yang akan diadakan pagi Jumaat ini ialah Peraduan Kanak-kanak Sihat. Lain-lain acara yang akan diadakan termasuk Pertandingan Tarian Melayu, Temasya Kejujutan Olahraga, Temasya Pesta Pantai dan Permainan Lalulintas Shell.



MASYARAKAT Dusun tidak ketinggalan mempersembahkan tarian asli mereka, 'Tamarok' di satu majlis pada hari tersebut.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS Siri ke-237

MELIHAT AURAT PEREMPUAN UNTUK RAWATAN

PANDANGAN doktor laki-laki asing pada perempuan asing itu, disyaratkan:

1. Doktor itu ada sifat amanah dan tiadalah boleh dahulukan Doktor tiada amanah kiranya ada doktor amanah.

2. Hendaklah ada aman dan selamat dari sebarang fitnah.

3. Janganlah doktor itu dedahkan anggota melainkan sekadar hajat yang mesti didedahkan, kiranya doktor tiada menundukkan pandangannya, dan jika ia tundukkan pandangan-

nya, maka haruslah dan boleh didedahkan aurat dan anggota itu sekalipun lebih dari kadar hajat dan mesti lebih dari kadar hajat dan mesti.

Pandangan doktor perempuan asing kepada laki-laki asing hukumnya seperti hukum memandang doktor laki-laki kepada perempuan asing.

Maka laki-laki asing boleh dan harus mengubat perempuan asing, dan sebaliknya perempuan asing boleh dan harus mengubat laki-

(Sambungan)

laki asing, dengan syarat tiada di situ, sebarang perempuan yang boleh mengubat akan perempuan, pada masalah mengubat perempuan, dan tiada di situ sebarang laki-laki yang boleh mengubat laki-laki pada masalah mengubat laki-laki.

Erti memandang pada mengubat itu ialah seperti kerana mengubat bakam, mengubat seperti kudis dengan meletakkan pelastar dan termasuklah di bawah erti memandang pada mengubat itu

memandang tukang khatan pada kemaluan orang yang dikhatankan, dan termasuklah juga memandang puan bidan pada kemaluan perempuan yang sedang bersalin itu.

Erti melihat tempat yang dihajatkan mengubat akannya, maka hajat itu hendaklah dianggap hajat yang munasabah dan patut, maka pada melihat muka dan dua tapak tangan, memadailah bila ada hajat sebarang hajat sekalipun, sekalipun sedikit pada mengubat


muka dan dua tapak tangan, pada melihat anggota yang lain dari dua kemaluan dan lain dari muka dan dua tapak tangan mesti dengan ada hajat yang sangat melihat ketika mengubat akan-nya, tiadalah memadai melihat dengan ada sedikit hajat, bahkan hendaklah memandang itu dengan ada hajat seperti ada hajat seperti hajat pada meng- haruskan bertayamum memakai debu tanah ganti air sembahyang dan ganti mandi hadas, dan pada melihat dua kemaluan, maka



mestilah ada lebih-lebih sangat hajat melihatnya ketika mengubat dua kemaluan itu, sekira-kira mendedahkan aurat itu tiada dianggap menjatuhkan maruah orang kita ada hajat pada melihat akannya, sebab bila ada hajat sangat-sangat melihat aurat itu ketika mengubat itu.

(bersambung)

WALLAHUAKLAM



YANG Berhormat Dato Ishak Tadin, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (menghadap kamera) dan sebahagian anggota rombongan ketika melakukan kunjungan hormat kepada Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan. Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Ahmad bin Dato Matnor juga hadir di majlis itu (duduk paling kiri).

BRUNEI — MALAYSIA RUNDING PERKHIDMATAN UDARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rundingan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan udara di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia telah berlangsung selama dua hari mulai 24 Julai lepas bertempat di Bilik Persidangan Kementerian Perhubungan di sini.

Perundingan itu meliputi dua perkara iaitu merundingkan perjanjian perkhidmatan udara dan mengenai perjalanan dan hak-hak lalu-lintas udara bagi Penerbangan Diraja Brunei dan Sistem Penerbangan Malaysia.

Rombongan pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia seramai 7 orang

yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato Ishak Tadin, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan itu telah tiba di negara ini pada pagi yang sama, dan telah melakukan kunjungan hormat kepada Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan di Kementerian Perhubungan.

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di perundingan itu diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Ahmad bin Dato Matnor.

KURSUS KHAS PEKERJA BSP

SERIA. — BSP sedang memperkenalkan satu kursus bagi membantu pekerja-pekerja warganegara yang berpengalaman memperbaiki lagi kemahiran-kemahiran dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab.

Kursus yang dinamakan sebagai rancangan Latihan Khas Untuk Pekerja Dewasa (TEAME) adalah bertujuan memberikan kakitangan peluang untuk menamatkan pendidikan mereka dengan melalui beberapa sesi-sesi penerangan yang diadakan dalam syarikat di mana semua kakitangan warganegara adalah dipelawa, di samping melalui risalah yang mengandungi keterangan lengkap mengenai kursus itu bersama borang permohonan.

Pekerja-pekerja warganegara dewasa yang berpengalaman yang tidak berpeluang menamatkan pelajaran di peringkat menengah atau yang bukan bersekolah Inggeris serta mereka yang tidak menamatkan skim latihan teknikal dengan syarikat adalah diberi peluang mengikuti kursus tersebut.

Kursus ini dijangka akan dimulakan pada bulan September tahun ini dan di-

jangka akan memakan masa selama tiga tahun sekiranya jumlah yang memohon menggalakkan.

Skim-skim serupa ini telah pun dijalankan di kedua-dua negara di United Kingdom dan Singapura dan didapati sangat berjaya. Dr. Lim Hoi Pik, yang terlibat di dalam rancangan BEST (Basic Education for Skills Training) Singapura telah melalui syarikat dan menasihatkan cara melaksanakan rancangan itu.

Selain dari itu, kursus ini juga merupakan rancangan lapan minggu penuh masa, di Pusat Latihan, di mana para peserta akan belajar Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan ditambah dengan pelajaran Sains Permulaan dan Kesedaran Terhadap BSP.

Ismail Opak, dari Bahagian Latihan, menjelaskan bahawa bahasa utama dalam syarikat ialah Bahasa Inggeris. Jadi para peserta diberi peluang untuk mempelajari bahasa itu tanpa mengira di peringkat mana pengetahuan mereka.

Tambahnya, jika mereka perlu untuk menambah lagi kemahiran mereka di dalam bidang penulisan ataupun jika mereka hanya

mengetahui sedikit Bahasa Inggeris, mereka masih boleh memperbaikinya kerana kursus ini akan dikendalikan dalam satu cara yang membekalkan peringkat-peringkat pengajaran yang lain bagi menyediakan permohonan-permohonan dengan peringkat-peringkat berlainan dalam Bahasa Inggeris.

Ketika ini para pelatih sedang sibuk membuat per-

siapan untuk kursus tersebut. Penyertaan dalam rancangan ini tidak akan secara langsung mengakibatkan kenaikan pangkat akan tetapi apa yang diharapkan oleh syarikat ialah kursus ini akan membolehkan para pekerja menjalankan kerja-kerja mereka dengan lebih berkesan lagi.

Para peserta kursus yang sudah menamatkan kursus TEAME ini juga akan berpeluang untuk mengikuti kursus lanjutan sambilan.

Lawatan perubatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan telah menyusun jadual lawatan bagi rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter untuk memberi rawatan kepada penduduk-penduduk pedalaman di tiga buah daerah di negara ini bagi bulan Ogos.

Di Daerah Tutong rombongan itu akan berada di Kampong Benutan pada 7 Ogos, di Kampong Mapol pada 8 Ogos, di Kampong Ukong pada 15 Ogos, di Kampong Belabau pada 21 Ogos, di Kampong Supon Besar

pada 27 Ogos, di Kampong Long Mayan dan Supon Kechil pada 28 Ogos dan di Kampong Bukit pada 29 Ogos.

Sementara itu di Daerah Belait rombongan itu akan berada di Kampong Teraja dan Aoak-Aoak pada 1 Ogos, di Kampong Buau pada 6 Ogos, di Kampong Sukang pada 20 Ogos dan Kampong Melilas pada 22 Ogos.

Manakala di Daerah Temburong rombongan tersebut akan melawat Kampong Lopat pada 13 Ogos dan ke Kampong Biang Menengah dan Lamaling serentak pada 14 Ogos.

Angka tunjuk harga barang naik lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan Jun 1984 ialah 142.8 peratus dan ini adalah lebih tinggi sebanyak 0.3 peratus dari angka tunjuk bulan Mei, 1984. Jika dibandingkan pula dengan angka tunjuk bulan yang sama dalam tahun yang terdahulu, iaitu Jun 1983, angka tunjuk bulan ini juga adalah lebih tinggi sebanyak 3.6 peratus.

Kenaikan angka tunjuk bulan ini adalah disebabkan oleh kenaikan angka kumpulan-kumpulan 'makanan' (1 peratus), kerana kenaikan harga kepada semua kumpulan-kumpulan kecil, iaitu ikan (2.8 peratus); minyak dan lemak (0.3 peratus, sayur-sayuran dan hasil sayur-sayuran (2.1 peratus), minuman ringan (1.5 peratus) dan lain-lain

makanan (0.4 peratus); dan Permainan, Hiburan, Pelajaran dan Perkhidmatan Kebudayaan (0.1 peratus). Angka tunjuk kumpulan-kumpulan adalah masih tetap tidak berubah.

Barang-barang dalam kumpulan-kumpulan 'makanan' yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk bulan ini ialah ikan barah-barahan, bekalan, bekulan, bilis, tamban dan udang, mentega berbungkus jenis pure creamery, sayur bayam, timun, kacang panjang, sirap ros dan asam jawa. Sementara harga tenggiri dan temenung besar adalah lebih murah sedikit. Yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan 'Permainan, Hiburan, Pelajaran dan Perkhidmatan Kebudayaan' pula ialah kerana kenaikan harga sejenis alat muzik, iaitu gitar.

IBADAT HAJI BEBASKAN MANUSIA DARI DOSA

MARILAH kita sama-sama bertakwa, sama-sama menyembahkan taat bakti kita kepada Allah dengan mengerjakan segala yang diperintahkan dan menjauhi segala yang dilarang-Nya.

Sekarang telah bermula masa yang sibuk bagi orang-orang Islam yang hendak berjalan menunaikan Rukun Islam yang kelima iaitu Fardu Haji. Di samping persiapan-persiapan biasa berupa bekal atau belanja yang tentunya sudah diatur dengan sempurna, juga persiapan yang berupa pengetahuan cara-cara melakukan Haji pun serba sedikitnya telah juga mereka perolehi daripada kursus-kursus yang telah dianjurkan untuk mereka. Pendeknya Alhamdulillah, dari segi persiapan-persiapan yang disebutkan itu bakal-bakal Haji tidaklah merasa bimbang lagi.

Cuma sedikit kita suka memberikan gambaran bagaimana ibadat Haji itu dilakukan supaya bakal-bakal Haji mendapat panduan daripadanya serta bertambah-tambah khusyuk

lagi melakukannya.

SATU IBADAT SATU MATLAMAT

Bermula dari 9 Zulhijjah pada tiap-tiap tahun merupakan suatu hari pertemuan bangsa-bangsa yang menganut agama Islam. Orang-orang Islam ketika ini melakukan cara-cara ibadat yang satu, pada waktu yang satu, satu kelakuan, satu zikir, satu rupa pakaian, satu perasaan, satu niat, satu tujuan atau matlamat. Semuanya menyebarkan taat kepada Allah. Benarlah perintah Allah di dalam Al-Quran kepada Nabi Ibrahim, tafsirnya:

"Wahai Ibrahim! Serukan kepada manusia untuk menunaikan Haji nescaya mereka akan datang sama ada dengan berjalan kaki, menunggang binatang dan berkenderaan dari segenap pelusuk bumi."

Mereka walaupun jauh dari tanahair, jauh dari anak isteri dan kampung halaman, namun hati mereka gembira, semangat rindu dan kasih terhadap Allah terus berkobar-kobar.

Bermula dari sempadan ibadat (miqat) bakal-bakal

Haji telah melucutkan sekalian pakaian yang berjahit, menggantikannya dengan pakaian ihram. Mereka mengucapkan talbiah: Labbaikallahumma labbaik, labbaikalasyrika laka labbaik. Suara mereka hidup, segar dan berkumandang.

MENITISKAN AIR MATA


Ketika bakal Haji melihat Kaabah dan lebih-lebih pula sesudah kaki benar-benar menjejak lantai Masjidilharam maka berlinanglah air mata seolah-olah lupa diri, lupa segala-galanya. Yang diingat dan memikat pandangan ialah apa-apa yang ada di sekitar masjid terutama Kaabah yang mulia. Mata seperti tidak puas-puas memandang ke arahnya dengan penuh minat dan khusyuk sementara di dalam hati pula terasa aman dan bahagia. Inilah yang dinamakan berkat Baitullah sebagaimana keterangan dalam Al-Quran Surah Ali Imran ayat 96 dan 97 tafsirnya lebih kurang:

"Sesungguhnya rumah pertama yang dibuat untuk beribadat bagi manusia ialah yang ada di Bakkah (Masjidilharam) yang

diberi berkat dan pimpinan untuk seluruh alam. Di situ ada keterangan-keterangan yang nyata seperti Makam Ibrahim. Barangsiapa yang masuk ke dalamnya akan menjadi aman berbahagia....."

Kebahagiaan itu lebih terasa lagi ketika mengerjakan tawaf mengelilingi Baitullah. Manusia begitu ramai berduyun-duyun seperti ombak mengalir layaknya. Kepala tunduk kepada Allah, mengaku bersalah selaku hamba yang dhaif, air mata mengalir kerana dua sebab: Pertama kerana kesal melakukan kesalahan kepada Allah dan kedua kerana gembira dan sukacita iaitu suatu perasaan ghaib yang baharu sahaja dirasakan.

Kemudian mari pula kita bayangkan ketika di Arafah. Lapangannya seperti ruangan sebuah stadium raksasa yang amat besar dipenuhi oleh million Muslimin semuanya serupa tidak memakai pakaian-pakaian kebesaran melainkan hanya kain putih yang tidak berjahit, yang dililitkan di badan, tidak bersongkok, tidak ada seurat perhiasan dunia yang membawa kemegahan. Pada



ketika itu tiap-tiap orang sibuk dengan diri sendiri, tidak ingat di mana harta dan kedudukannya melainkan mulut dan hatinya hanya berharap dan memohon rahmat serta ihsan daripada Allah Subhanahu Wataala seolah-olah pada masa itu langit akan runtuh layaknya dan manusia akan dihisap semuanya.

BEBAS

Kita ringkaskan sahaja gambaran ini bahawa setelah selesai sahaja seseorang itu mengerjakan segala tuntutan-tuntutan ibadat Haji dengan sempurna maka jadilah dia seorang yang bebas yang bersih, gugur dosa-dosanya dan diampunkan segala kesalahannya. Air mata menitis menggugurkan dosa-dosanya. Tiap-tiap amal ibadat dan zikir yang

diucapkannya meruntuhkan kesalahannya sehingga pada akhirnya jadilah dia seperti kain putih, umpama kanak-kanak yang baharu dilahirkan oleh ibunya.

Kita berharap gambaran ini akan membekalkan perasaan insaf dan kesedaran di kalangan umat Islam terutama bakal-bakal Haji kita di negara ini supaya bersungguh-sungguh memenuhi tuntutan-tuntutan ibadat itu dengan sesempurna-semempurnanya dengan melakukan rukun dan syaratnya dengan sebaik-baiknya. Janganlah sekali-kali kita membawa perangai-perangai di luar pekerjaan Haji seperti bercakap kotor, bergaduh, bertengkar, melakukan perkara-perkara yang sia-sia dan lain-lain kerana semua itu akan merosakkan Haji seseorang.

BAGAIMANA HENDAK KHUSYUK DALAM SEMBAHYANG

TENTUNYA kita pernah mendengar orang bertanya bagaimanakah caranya untuk mencapai khusyuk dalam sembahyang? Bagaimanakah menghilangkan lamunan dan khayalan yang mengganggu fikiran?

Persoalan ini nampaknya mudah untuk dijawab tetapi sebenarnya memerlukan penjelasan-penjelasan yang wajar. Banyak perkara-perkara yang perlu diambil kira untuk mencapai khusyuk dalam sembahyang ini. Pertama-tamanya kita tinjau dulu apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan khusyuk itu?

Menurut setengah ulama, khusyuk ialah memejamkan mata (penglihatan) dan merendahkan suara. Menurut Sayidina Ali bin Abi Talib pula khusyuk membawa erti tidak berpaling ke kanan dan tidak berpaling

Menuju keredaan Allah

ke kiri ketika dalam sembahyang.

'Amran bin Dinar pula berpendapat, khusyuk itu ialah tenang dan bagus kelakuan. Sementara Ibn Jubair dan Ibn Sirin masing-masing berpendapat bahawa khusyuk itu ialah tetap menumpukan hati dan fikiran kepada sembahyang sehingga ia tidak mengetahui orang yang berada disebelannya iaitu sama ada sebelah kanan ataupun kiri, dalam pada itu ia tidak mengangkat pandangan dari tempat sujud.

Dari pendapat-pendapat yang disebutkan

itu dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa khusyuk ialah amalan badan dan amalan hati, iaitu tenang segala anggota badan dan tenang jiwa dan fikiran yang matlamat tingginya ialah takwa.

Begitulah definisi khusyuk itu. Untuk lebih jelas lagi mengenai dengan khusyuk itu diturunkan satu riwayat iaitu:

Suatu peristiwa telah berlaku kepada Muslim bin Yasar; pada suatu hari ketika dia sedang bersembahyang di Masjid Basrah dengan tiba-tiba dinding masjid itu runtuh. Melihat dan mendengar keadaan ini, orang-orang yang sedang berada di pasar berdekatan dengan masjid itu merasa terkejut kerana

bunyi dinding-dinding itu terlalu kuat, akan tetapi Muslim yang sedang mengerjakan sembahyang itu tetap tidak berganjak, seolah-olah tidak ada apa-apa yang terjadi. Selesai sahaja menunaikan sembahyang ia merasa hairan apabila melihat orang ramai mengucapkan selamat kepadanya. Lalu diceritakanlah oleh orang peristiwa yang berlaku itu. "Saya tidak menyedari dinding itu runtuh," kata Muslim bin Yasar.

Demikian suatu riwayat yang menakjubkan di mana orang yang khusyuk itu diberi ketenangan oleh Allah Subhanahu Wataala sehingga hati dan fikiran tidak terganggu oleh keadaan yang berlaku di sekelilingnya.

Bagaimana untuk menghasilkan khusyuk di dalam sembahyang? Sesiapa yang ingin mencapai ke arah ini perkara-perkara yang disebutkan ini boleh menolongnya:

Hendaklah orang yang sembahyang itu yakin dirinya berada di hadapan Allah Subhanahu Wataala dan Allah melihat akan perbuatannya itu.

Hendaklah ia memperbaiki bacaan-bacaan dan memahami akan maksud apa yang dibacanya itu.

Hendaklah memelihara diri dari mempermainkan anggota-anggota badan dan berdirilah dengan tegak.

Janganlah bergopoh-gopoh ketika rukuk, sujud, iktidal dan duduk antara

dua sujud.

Hendaklah dijauhkan segala perasaan yang membimbangkan dan meragukan seperti memikirkan itu dan ini dalam urusan sehari-hari.

Hendaklah kita penuhkan dada kita dengan rasa takwa kepada Allah Subhanahu Wataala.

Hendaklah memandang tetap ke tempat sujud.

Dengan memahami dan mempraktikkan perkara-perkara di atas mungkin kita akan sampai ke tingkat khusyuk yang diharapkan dan dengan khusyuk itu moga-moga ibadat sembahyang yang kita kerjakan itu akan diterima oleh Allah dengan sebaik-baiknya.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1 Ogos, 1984 hingga ke hari Selasa 7 Ogos, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
1-5	12.30	3.47	3.48	6.39	6.40	7.50	7.51	4.57	4.43	4.58	6.15	6.16
6-7	12.30	3.47	3.48	6.38	6.39	7.49	7.50	4.57	4.43	4.58	6.15	6.16

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Majlis penyampaian derma

TUTONG. — Majlis Penyampaian Hadiah Dan Derma bagi anak-anak yatim Mukim Tutong Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di bawah anjuran BISTARI telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini pada Ahad lepas.

Tetamu kehormat di majlis itu Pemangku Daerah Tutong, Awang Abdul Aziz Mohamad turut menyampaikan sedikit ucapan dan kemudiannya diikuti dengan ucapan dari wakil Persatuan

BISTARI Dayang Fatimah binte Husain.

Seramai 35 orang anak-anak yatim telah menerima hadiah yang disampaikan oleh Awang Abdul Aziz Mohamad dan juga Datin Hajjah Yukmas binti Muhamad Timbalan Yang Dipertua BISTARI.

Lebih 50 orang yang hadir termasuk isteri-isteri pegawai kerajaan, ahli-ahli jawatankuasa serta penjaga anak-anak yatim.

BARANG CURI BERNILAI LEBIH \$20,000 DIRAMPAS

Oleh: Muhaimin HM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Polis Diraja Brunei telah berjaya memberkas tiga kumpulan perompak dan merampas pelbagai barang curian yang bernilai kira-kira lebih \$20,000.

Ini adalah merupakan salah satu kejayaan terbesar Pasukan Polis dari Bahagian Siasatan Jenayah dalam menjalankan operasinya untuk mencegah dan membentasi gerakan beberapa kumpulan pencuri yang bergerak di gedung-gedung perniagaan dan tempat-tempat lain di negara ini.

Beberapa orang lelaki telah ditahan di Balai Polis Bandar Seri Begawan kerana didapati mencuri di beberapa buah pusat beli-belah di ibu negara dan mereka akan dihadapkan ke mahkamah setelah diadakan siasatan lanjut nanti.

Seramai tiga orang pemuda Melayu dan seorang Iban telah ditahan oleh pihak Polis kerana didapati mencuri barang-barang pakaian di kompleks beli-belah Kota Mutiara di sini yang bernilai kira-kira lebih \$14,000.

Tiga daripada pencuri itu ialah penjaga stor Kota Mutiara. Mereka ialah Awang Suany bin Burut, 33, Awang Abd. Rahman bin Haji Damit 32, Awang Domeng bin Buntar 29, dan Amoy Anak Liman 23, seorang pekerja buruh di Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menurut pihak Polis Bahagian Siasatan Jenayah, mereka berjaya memberkas kumpulan pencuri itu bulan lepas setelah pihak Polis mendapat kerjasama dan maklumat dari orang ramai di mana mereka mendapat tahu bahawa kunci-kunci pencuri itu telah menjual barang-barang curian itu kepada orang ramai dengan harga yang terlalu murah. Para penjual barang-barang curian itu juga telah ditahan di Balai Polis. Pihak Polis memberitahu kejadian sedemikian telah berlaku berlarutan sejak bulan Mei lepas.

Salah sebuah kedai di Batu 1, Jalan Tutong, Jamboree Trading Limited telah kecurian pada bulan lepas di mana tiga orang pemuda Iban yang berasal dari Sarawak telah ditangkap oleh pihak Polis di tempat kejadian itu.



**Ikuti kursus
di U.M.**

DAYANG Nuisah binte Haji Karim (gambar atas) kini berada di Malaysia untuk mengikuti Kursus Diplomatik Penterjemahan di Universiti Malaya.

Dayang Nuisah, Penterjemah Kanan Dewan Bahasa dan Pustaka, mengikuti kursus tersebut di bawah skim cuti tanpa gaji selama dua tahun.

Mereka ialah Paul Anak Tuah 23, Ade Anak Hashim 30, dan Aja Anak Sumping. Salah seorang dari mereka adalah pendatang haram. Di antara barang-barang curian mereka yang telah didapati oleh Polis termasuklah mesin pemotong kayu, mesin pengepam air, alat generator dan lain-lain lagi.

Setelah diadakan siasatan lanjut oleh pihak Polis di salah sebuah rumah pencuri itu di Bukit Sailela di sini di mana mereka juga mendapati pelbagai barang curian seperti radio, kamera, speaker dan beberapa botol minyak harum. Kesemua barang-barang curi itu bernilai lebih \$4,000.

Menurut pihak Polis mereka berjaya menangkap perompak-perompak itu di tempat berlaku kecurian tersebut dengan pertolongan orang ramai melalui panggilan telefon. Kejadian itu berlaku kira-kira jam 4.30 pagi di mana tiga orang lelaki mengangkat barang-barang ke dalam sebuah kereta dari kedai tersebut dengan terburu-buru.

Tiga orang lelaki berbangsa China yang berkerja sebagai penjaga stor di Gedung Per-



PEGAWAI Pemrintah Daerah Polis Brunei, Penguasa Polis Awang Manan bin Othman (kanan) dan Pegawai Bahagian Jenayah, Insp. Kanan Ismail bin Muhammad ketika memeriksa pelbagai barang curian yang dirampas oleh Polis baru-baru ini.

niagaan Klasse, Bangunan Abd. Razak, Batu 1 Jalan Tutong telah ditangkap oleh Polis kerana mencuri di gedung tersebut pada bulan lepas.

Menurut pihak Polis peristiwa itu terjadi kira-kira jam 3.20 pagi ketika dua orang anggota Polis mengadakan rondaan dengan menggunakan kereta dan nampak tiga orang lelaki memasukkan barang-barang ke dalam sebuah van dari gedung tersebut. Pencuri itu ditangkap di tempat kejadian itu.

Barang-barang curian yang bernilai kira-kira lebih \$5,000

yang didapati oleh pihak Polis ialah beberapa kotak barang-barang makanan, jam dinding, beg tangan dan lain-lainnya.

Mereka yang ditahan ialah Awang Tan Sim Khek Hoe 25, Awang Chin Nyat Poh dan Awang Li Nah Hua, keduanya berumur 24 tahun.

Pasukan Polis memberikan penghargaan kepada orang ramai di atas kerjasama mereka dalam memberikan laporan dan maklumat berhubung dengan kes-kes curi yang sering berlaku sejak kebelakangan ini.

Mereka juga mengingatkan kepada orang ramai supaya

akan berhati-hati dan berwaspada apabila membeli barang-barang jualan dari seseorang dan jika sekiranya barang yang dijual itu

dicurigai tentang harganya yang terlalu murah dari harga biasa, maka mereka perlulah melaporkannya kepada pihak Polis dengan seberapa segera.

Perlumbaan Autocross dan Scramble

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan Autocross/Scrambler anjuran Persatuan Automobil Brunei (AAB) akan diadakan di Pantai Maragang pada 5 dan 26 Ogos 1984.

Perlumbaan ini dianjurkan adalah sempena sambutan

Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu Jawatankuasa Penganjur ASEAN RALLY di bawah pengurusan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein telah pun mendapat kebenaran untuk menjadi tuan rumah perlumbaan tersebut dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Presiden AAB, Jawatankuasa Pengelola akan mengeluarkan borang-borang penyertaan, peraturan dan keterangan lain kepada peminat-peminat di negara ini setelah selesai rundingan dengan Inkatan Motor Indonesia dan Pegawai-Pegawai Kerajaan dari Republik Indonesia dan Sarawak. Perlumbaan itu dijangka akan diadakan dari 24 hingga 28 Oktober tahun ini.

Perlumbaan tersebut akan bermula di Kuching, Sarawak kemudian menyeberangi sempadan Sarawak — Indonesia dan seterusnya ke Pontianak, Kalimantan dan balik semula ke Sarawak Trunk Road; memasuki kawasan estate dan jalan-jalan pembalakan kemudian menyeberangi sempadan Sarawak-Brunei; melalui beberapa jalan sebelum berakhir di Stadium Negara Hassanah Bolkiah. Walau bagaimanapun jalan-jalan sebenar rally ini masih dirahsiakan buat sementara waktu kecuali kepada pihak-pihak berkuasa perlumbaan yang besar ini.

Manakala pada 28 Oktober bertempat di kawasan Stadium Negara Hassanah Bolkiah satu perlumbaan Go-Kart antarabangsa anjuran AAB juga akan dilangsungkan.

KEPUTUSAN PERARAKAN TANGLUNG

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Jawatankuasa sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengumumkan keputusan perarakan tanglung berjalan kaki, kereta berhias, pakaian anekaragam dan pencaragam sekolah dan maktab yang berlangsung pada 16 Julai adalah seperti berikut: —

Bahagian Maktab dan Sekolah: Pertama, Pusat

Tingkatan Enam, Kedua Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkiah, Ketiga Maktab Melayu Paduka Seri Begawan/Sekolah Sain dan lima pasukan lain telah mendapat hadiah saguhati.

Bahagian kampung-kampung: Pertama, Belia-belia Kampung Lambak, Kedua Kampung Kota Batu, Ketiga Kampung Sengkurong, dan satu pasukan mendapat hadiah saguhati.

Bahagian Jabatan tidak Beruniform dan Firma: Pertama Kerahantenaga Awam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kedua Jabatan Ukur, Ketiga Perkhidmatan Pos, dan empat pasukan lain mendapat hadiah saguhati.

Bahagian Jabatan Beruniform: Pertama Jabatan Pasukan Bomba, Kedua Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Ketiga Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei.

Bahagian Persatuan Belia-belia dan Kebajikan: Pertama ialah Persatuan Pengakap Daerah Brunei-Muara, Kedua Badan Keluarga Polis Diraja Brunei, Ketiga Persatuan Perkasa, dan dua pasukan yang lain mendapat hadiah saguhati.

